

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NASIONAL

# Perhebat usaha **tangani rabies**

GEORGE TOWN - Kementerian Kesihatan memperhebatkan usahanya dalam mengekang penularan wabak rabies atau anjing gila di Sarawak yang merekodkan kes keenam di Samarahan, kelmarin.

Menterinya, Datuk Seri Dr S Subramaniam berkata, budak lelaki berusia 7 tahun dikenal pasti sebagai individu keenam dijangkiti rabies di Sarawak dan telah diberikan vaksin antirabies.

"Lima kes sebelum ini berlaku di Serian dan di Samarahan adalah kes pertama, justeru kita akan tingkatkan usaha mengawal dan menjejalkan anjing-anjing yang terkena jangkitan rabies," katanya kepada

**INFO**

- Mangsa keenam kanak-kanak lelaki
- Digigit seekor anjing pada 17 Julai lalu

pemberita selepas merasmikan Persidangan Peranti Perubatan Antarabangsa 2017 di sini, semalam.

Beliau berkata, kementeriannya telah mengenal pasti anjing yang dijangkiti rabies di Sarawak dan tindakan lanjut telah diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Dalam satu kenyataan kelmarin, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan, kanak-kanak lelaki dari Kampung Kuala Gedong itu telah digigit seekor anjing pada 17 Julai dan dilaporkan kritikal di Hospital Umum Sarawak di Kuching.

Awal bulan lalu, Kementerian Kesihatan



Subramaniam (kiri) dan Noor Hisham (dua, kiri) melawat ruang pameran selepas merasmikan Persidangan Peranti Perubatan Antarabangsa 2017, semalam.

mengumumkan kes pertama positif jangkitan rabies di Sarawak, melibatkan dua beradik dari

Kampung Paon Rimu Bakong, Serian dan diikuti tiga lagi kes di bahagian sama dengan masing-

masing satu kes di Kampung Lebar, Kampung Seroban dan Kampung Remun.

Sementara itu, Subramaniam memberitahu, Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), sebuah badan berkanun di bawah kementeriannya telah pun mengeluarkan lebih 2,000 lesen kepada pengeluar, wadai sah serta pengedar dan pengimport peranti perubatan.

Beliau berkata, MDA bertanggungjawab mengawal selia peranti perubatan dan menguatkuasakan undang-undang peranti perubatan.

Setakat ini, hampir 140,000 peranti perubatan telah berdaftar dengan MDA yang melibatkan kutipan fi sekitar RM3 bilion.

"Ini menunjukkan kesungguhan dan kebolehpercayaan industri peranti perubatan seluruh Malaysia dalam pematuhan kepada keperluan pengawalseliaan untuk berkembang dan bersaing di pasaran peringkat global," katanya. - *Bernama*